



اونيورسيتي كبعسان مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UKM(S)3.6/246/21/1 Jld 5

30 November 2005

**Dekan/Pengarah/Ketua**

Fakulti/Pusat/Institut/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Pengarah**

Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan

### JADUAL PEPERIKSAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) TAHUN 2006

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan mengadakan peperiksaan PTK bagi 2006. Sehubungan dengan itu, permohonan adalah dibuka kepada kakitangan UKM dan HUKM untuk menduduki peperiksaan PTK bagi tujuan anjakan gaji dan kenaikan pangkat tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa berkaitan.

3. Sukacita dapat kiranya pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan memaklumkan kepada kakitangan yang berminat untuk memohon peperiksaan PTK ini dengan mengisi borang permohonan seperti di lampiran.

4. Borang permohonan yang telah dilengkapkan hendaklah disampaikan oleh Ketua Jabatan kepada Bahagian Sumber Manusia sebelum **30 April 2006**. Bersama-sama ini disertakan juga Jadual Peperiksaan PTK 2006 dan tarikh yang dicadangkan tertakluk kepada pindaan terakhir. Untuk pertanyaan dan penjelasan lanjut, bolehlah menghubungi sambungan 5003 (Hidayah / Saripah) dan 3604 (Faris).

Sekian, terima kasih.

*"Perkhidmatan Berkualiti Amalan Murni"*

Yang benar,

**MOHD FARIS NGADININ @ ADININ**

Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia  
b.p. Pendaftar

s.k. > **YBhg. Datuk Taip Bin Abu**  
Pendaftar

> **Encik Mohamad Mustafa Mohtar**  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

MFWD/AA/PEKERLANG MAKLUM PTK/06